

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD OLIAN B. ABDULLAH**

**TARIKH : KHAMIS, 20 APRIL 2015**

**SOALAN :**

**Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan** sejauh manakah Akta Pemuliharaan Tanah 1960 masih relevan dalam menangani masalah hakisan tanah terutama di kawasan tanah tinggi dan apakah tindakan yang telah dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan Kerajaan Negeri mematuhi akta ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Akta Pemuliharaan Tanah 1960 hanya terpakai/berkuatkuasa di mana-mana negeri sekiranya ia diterima pakai di dalam undang-undang Negeri tersebut. Kedudukan ini memandangkan Akta ini adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang terletak dalam bidang kuasa Perundangan Negeri selaras dengan Artikel 76(3) Perlembagaan Persekutuan.

Sehingga kini, Akta ini telah diterima pakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, bagi tujuan pewartaan kawasan tanah tinggi ianya adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri berkenaan. Setakat ini, Akta ini masih relevan dan diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Negeri

Sekian terima kasih.